



## 1.0 TAJUK PROJEK

Alat Pendianan Telur Ayam Kampung Mudah Alih

## 2.0 PENGENALAN

Alat ini digunakan untuk mengenal pasti telur ayam kampung yang bernas dan tidak bernas ketika proses eraman telur ayam.

## 3.0 LATAR BELAKANG PROJEK

Industri penternakan ayam kampung kian berkembang pesat pada masa kini. Terdapat banyak penternak berskala kecil dan sederhana yang terlibat dalam mengeluarkan benih anak ayam kampung tulen dan kacukan.

Alat ini dipercayai mampu membantu penternak memantau tahap kesuburan ayam di ladang dan seterusnya menilai prestasi baka ayam kampung mereka. Melalui rekod peratusan telur bernas yang terdapat di ladang dapat menjamin pengeluaran anak ayam kampung yang bermutu tinggi.

Ini secara tidak langsung dapat meningkatkan keuntungan penternak kerana masalah kesuburan dapat ditangani melalui pemantauan yang berterusan ini.

## 4.0 ISU / PERMASALAH PROJEK / SEBAB PROJEK DIJALANKAN

Alat pendianan yang berada di pasaran kebanyakannya adalah untuk industri penetasan berskala besar dengan harga yang agak mahal. Manakala penggunaan lampu pendianan tunggal lebih murah tetapi memerlukan tenaga kerja yang ramai dan masa yang lama kerana perlu melakukan pendianan satu persatu pada setiap telur.

Alat ini juga adalah sederhana saiznyadan memudahkan penyimpanan ketika tidak digunakan kerana kebanyakan penternak memiliki ruang yang terhad di tempat penetasan mereka di ladang-ladang.

## 5.0 MATLAMAT PROJEK

Diharap projek ini dapat membantu penternak ayam kampung kacukan atau tulen yang berskala kecil atau sederhana untuk menghasilkan benih anak ayam kampung yang berkualiti tinggi serta meningkatkan pengeluaran benih anak ayam hasil dari pemantauan prestasi telur bernas yang dieramkan.

## 6.0 INOVASI SEBELUM DAN SELEPAS PROJEK

### 6.1 SEBELUM PROJEK

- Alat ini diubahsuai daripada alat pendianan telur ayam komersial.
- Kedudukan lampu tidak bersesuaian dengan kedudukan telur pada *tray*/dulang eraman sedia ada yang digunakan.
- Alat pendianan yang pernah digunakan dahulu adalah lebih berat dan sukar dikendalikan.


### 6.2 SELEPAS PROJEK

- Papan lapik atas alat diganti dengan lapisan kayu *plywood* dengan ketebalan 9 mm yang mana lebih ringan untuk memudahkan pengendalian.
- Jarak lampu untuk kerja pendianan adalah 5 cm setiap satu.
- 54 slot lampu mengikut *tray*/dulang eraman yang sedia ada berbanding 88 slot sebelum pengubahsuaian.


## 7.0 OUTPUT / OUTCOME / IMPAK PROJEK

- Menjimatkan masa pendianan berbanding menggunakan lampu pendianan tunggal.
- Mengurangkan kos pembelian alat pendianan komersial yang mahal di pasaran.
- Membolehkan alat diubah suai atau direka mengikut kesesuaian tray/dulang eraman yang digunakan.


## 8.0 GAMBAR / ILUSTRASI BERKAITAN



Rajah 1: Alat pendianan sebelum pengubahsuaian



Rajah 2: Proses pendianan dengan menggunakan alat yang telah diubahsuai mengikut tray/dulang eraman sedia ada.



Rajah 3: Lakaran alat pendianan yang diubahsuai